

# UniMAP Ke Arah Lahirkan Usahawan Berilmu



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), walaupun berteraskan aliran kejuruteraan, namun kini sedang berusaha ke arah melahirkan usahawan berilmu bagi memenuhi keperluan tuntutan ekonomi masa hadapan. Begitu antara ungkapan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin ketika menyampaikan ucaptama beliau di Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor ke -12 UniMAP yang diadakan pada 12 Februari 2014 lalu.

Beliau berkata, agenda keusahawanan dipilih kerana tuntutan keperluan semasa dan bagi menentukan keupayaan daya saing dan kelangsungan (*survival*) universiti kurang dari sepuluh tahun akan datang. Walaupun agenda keusahawanan ini kelihatan agak 'mendesak' pada masa ini, beliau masih berpegang pada pendapat bahawa tugas utama sesebuah universiti adalah sebagai gedung utama membudayakan ilmu: mengamalkan ilmu, menciptakan ilmu baru, menyebarkan ilmu seluas-luasnya kepada masyarakat, dan mempromosikan pembinaan tamadun bangsa berdasarkan ilmu.

Sebagai langkah awal, beliau menggesa tenaga-tenaga pakar di UniMAP untuk segera menambah baik modul pengajaran ilmu dan kemahiran keusahawanan, dan seterusnya menganjurkan kursus keusahawanan secara konsisten untuk staf, mahasiswa dan siswazah yang lahir dari universiti ini. Ujarnya lagi, staf UniMAP, khususnya para pensyarah lama dan baru, hendaklah menyediakan diri untuk mengikuti kursus-kursus ini kerana beliau telah lama mewajibkan kursus keusahawanan kepada semua pensyarah. Sementara itu, pada majlis yang sama turut diadakan tiga pelancaran program iaitu Model Pengeluaran Harumanis Dalam Rumah Hijau Di Kebun Harumanis Diraja Di Istana Fauzana (KHIF), Pra Pelancaran Edu-Tourism UniMAP dan Pelancaran Kempen Tandas Bersih.